

13/10/2000

Pelajar perlu dipupuk budaya P&P

Mohd Feroz Abu Bakar

PENYELIDIKAN dalam bidang sains dan teknologi mestilah menjadi budaya di kalangan saintis tempatan sebelum rakyat negara ini dapat meraih Hadiah Nobel, anugerah tertinggi dalam bidang berkenaan.

Memandangkan penyelidikan dan pembangunan (P&P) belum menjadi kegiatan meluas di kalangan saintis tempatan, galakan untuk membuat penyelidikan harus dimulakan sejak di peringkat rendah, iaitu di peringkat persekolahan.

Budaya itu kemudian boleh digiatkan lagi selepas pelajar meneruskan pengajian ke universiti dan meneruskan budaya P&P selepas berkhidmat dengan sektor awam mahupun swasta.

Timbalan Menteri, Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Zainal Dahlan, berkata langkah untuk membudayakan P&P di negara ini harus bermula dari peringkat sekolah rendah dan menengah kerana pendedahan pada peringkat berkenaan akan menanam minat untuk mereka meneruskan pembabitan dalam sains dan teknologi (S&T).

Ketika ini, katanya, hanya kira-kira 26 peratus pelajar menengah mengikuti bidang berkenaan sedangkan hasrat kerajaan ialah 60 peratus daripada pelajar universiti pada 2005 mengikuti pengajian dalam bidang S&T.

"Dengan bilangan pelajar yang sedikit dalam aliran ini, tentulah sukar untuk kita mendapat ahli sains yang terbaik dan mewujudkan persaingan sengit di kalangan mereka untuk mengadakan penyelidikan dalam pelbagai bidang.

"Saya berharap pihak swasta bersama-sama kerajaan dapat membantu pelajar kita supaya lebih meminat bidang S&T dan menerima mereka untuk mendapat latihan pratikal di makmal masing-masing semasa cuti persekolahan atau cuti universiti.

"Dengan cara ini, pelajar terdedah kepada persekitaran budaya kerja inovatif dalam mempunyai pengalaman membantu mengendalikan peralatan sains yang canggih sehingga menanam minat untuk terus kekal dalam bidang S&T," katanya selepas Majlis Pelancaran Buku 'Menjulung Hadiah Nobel Menjelang Alaf Baru' di Sekolah Alam Shah (SAS), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Kuiz Sains Nasional 2000, Datuk Dr Aziz Sheikh Abdul Kadir, Pengarah, Novo Nordisks Bioindustrial Sdn Bhd (Novo Nordisks), Lars Asferg, Pengetua SAS, Md Yusoff Othman dan Pengetua Kolej Tunku Kursiah (TKC), Rokiah Alias.

Buku berkenaan mencatat ringkasan lawatan pelajar TKC yang menjuarai Kuiz Sains Nasional tahun lalu ke Majlis Penganugerahan Hadiah Nobel di Stockholm, Sweden dan lawatan sambil belajar ke kilang Novo Nordisk di Denmark.

Buku itu yang diedarkan ke sekolah seluruh negara diharap menjadi sumber inspirasi kepada generasi muda untuk terus menceburi bidang S&T hingga berjaya merangkul Hadiah Nobel.

Dalam ucapan pelancarannya, Zainal berkata, cabaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua tahun lalu supaya masyarakat saintifik negara ini melahirkan pemenang Hadiah Nobel sebelum tahun 2020 mestilah sentiasa dijadikan ingatan oleh pelajar untuk terus kekal dalam bidang S&T.

Di pihak kerajaan, katanya, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menerusi Akademi Sains Malaysia menyediakan dan memperbaiki kemudahan untuk membantu pengajaran dan pembelajaran sains serta

mengadakan P&P dalam semua bidang.

Beliau berkata, Akademi Sains Malaysia juga sedang merangka program untuk menjadikan Hadiah Nobel sebagai ikon kepada saintis tempatan supaya penyelidikan yang mereka lakukan menjadi hasil kerja terbaik dan cemerlang.

"Kerajaan berharap pihak swasta terutama syarikat multinasional yang beroperasi di negara ini memainkan peranan lebih besar dalam membantu pelajar dan penyelidik tempatan dalam P&P.

"Syarikat ini boleh menyediakan dana untuk saintis membuat penyelidikan, membenarkan pelajar dan penyelidik menggunakan peralatan di makmal mereka atau sekurang-kurangnya membawa pelajar melawat makmal untuk membuka minda tentang selok-belok P&P.

"Langkah Novo Nordisks yang menaja lawatan pemenang Kuiz Sains Nasional ke Sweden dan Denmark setiap tahun dan menerbitkan buku Menjulung Hadiah Nobel Menjelang Alaf Baru adalah satu daripada peranan besar yang ditunjukkan oleh pihak swasta," katanya.

Zainal berkata, program galakan berkenaan akan melahirkan lebih ramai saintis dan ahli sains yang mencukupi amat penting kepada pembangunan negara terutama dalam era ekonomi pengetahuan atau K-Ekonomi yang memerlukan sokongan daripada pekerja yang berilmu tinggi dalam S&T.

Beliau berharap agensi kerajaan akan saling bekerjasama seiring dengan pihak swasta untuk melahirkan saintis dan membudayakan kegiatan P&P hingga Malaysia dapat melahirkan pemenang Hadiah Nobel 20 tahun dari sekarang.

(END)